



Penduduk Palestin membuat bantahan terhadap PA sambil melaungkan slogan 'batalkan sekatan', kelmarin.

ISNIN 25/6/18 BERITA HAKIAN M/S 77

Palestin bantah sekatan di Gaza

➔ Angka maut akibat pertembungan sempadan Israel kini 134 orang

Ramallah

Ratusan penduduk Palestin membuat bantahan, kelmarin di jajahan diduduki Tebing Barat bagi menuntut Pihak Berkuasa Palestin (PA) menarik balik langkah menghukum terhadap Hamas di Semenanjung Gaza.

Penunjuk perasaan di sini

melaungkan slogan 'batalkan sekatan' ketika bantahan terhadap PA, dianjurkan masyarakat awam di sini.

Pentadbiran berpusat di sini, memperkenalkan beberapa siri langkah ke atas Gaza sejak beberapa tahun lalu.

Puluhan ribu penjawat awam tiada gaji

Puluhan ribu penjawat awam di wilayah tepi pantai terkepung yang dipisahkan dari Tebing Barat dengan jajahan Israel, tidak menerima gaji penuh selama beberapa bulan.

Pengkritik berkata, tindakan dilakukan PA yang didominasi pergerakan Fatah diketuai Presiden Mahmud Abbas akan memburukkan lagi perpecahan antara dua wilayah

Palestin itu.

Difahamkan bantahan itu berlangsung secara aman, tidak seperti 13 Jun lalu ketika pasukan keselamatan Palestin melemparkan bom tangan dan gas pemedih mata untuk menyuraikan penunjuk perasaan.

Kelmarin, polis dilihat menyerahkan bendera Palestin kepada penunjuk perasaan.

Pergerakan Islam Hamas menadbir Gaza sejak merampasnya daripada PA di tengah pertempuran maut pada 2007.

Sejak itu, Israel mengekalkan sekatan melumpuhkan di Gaza bertujuan mengasingkan Hamas.

Dalam pada itu di Gaza, seorang lelaki Palestin yang ditembak tentera Israel dua hari lalu ketika pertembungan di sempadan maut akibat kecederaannya

semalam, kata Kementerian Kesihatan Hamas.

134 penduduk terbunuh

"Osama Khalil Abu Khater, 29, maut akibat kecederaan di perut selepas ditembak musuh Israel di timur Khan Yunis pada Jumaat," kata jurucakap Kementerian, Ashraf al-Qudra.

Sekurang-kurangnya 134 penduduk Palestin terbunuh dalam pertembungan sejak bantahan besar-besaran meletus di sepanjang sempadan Gaza 30 Mac lalu.

Bantahan memuncak pada 14 Mei apabila sekurang-kurangnya 62 penduduk Palestin dibunuh ketika ribuan mendekati sempadan dikawal ketat pada hari sama Amerika Syarikat (AS) memin-dahkan kedutaannya dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis. **AFP**